

Headline	Kesihatan awam tenat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	v14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	813 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 29,911
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,733



DALAM keadaan serba payah, kekurangan dana dan perubahan ketika berada di bawah pemerintahan ketenteraan, para doktor di klinik di Yangon hanya mampu memberikan nasihat umum kepada pesakit HIV terbaru di Myanmar - datang balik bila keadaan awak jadi lebih teruk.

Di negara yang mempunyai jumlah askar teramai di Asia Tenggara itu, sistem penjagaan kesihatannya amat menyedihkan, ubat antivirus hanya diberikan kepada pesakit yang sudah teruk.

"Jika saya tidak dapat rawatan, saya bimbang penyakit saya akan bertambah teruk," kata petani berumur 47 tahun, yang ditemui di klinik kendalian badan kebajikan Medecins Sans Frontieres (MSF, Doktor Tanpa Sempadan), selepas dia didiagnos dijangkiti virus HIV.

Dalam hampir separuh abad pemerintahan ketenteraan, yang berakhir secara rasmi tahun lalu, tentera junta Myanmar menyalurkan banyak wang ke pasukan keselamatan, tetapi amat kedekut membenarkan peruntukan kepada sektor kesihatan awam.

Badan bukan kerajaan (NGO) dan pesakit menggunakan wang mereka sendiri untuk mengisi kekosongan ini, tetapi jumlahnya terlalu kecil jika dibandingkan dengan keperluan 60 juta penduduk negara itu.

"Pesakit kecewa dan kami pula sukar untuk memberitahu mereka...tapi kami tidak dapat merujuk mereka ke mana-mana kerana di hospital kerajaan pun tiada ubat," kata Soe Yanadar, salah seorang daripada empat doktor yang bertugas di klinik di satu perkampungan di Yangon, yang mempunyai 2,000 pesakit HIV berdaftar.

"Kami beritahu mereka boleh datang balik ke klinik. Tetapi mereka tahu keadaan sebenar di Myanmar," tambahnya lagi.

MSF berkata, hanya satu pertiga daripada 120,000 individu yang dijangkiti virus HIV di Myanmar mendapat rawatan antiretrovirus seperti disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kekurangan ubat ini tidak terhad kepada ubat antivirus HIV saja, malah ia turut membabitkan penyakit serius lain seperti tuberkulosis dan malaria.

Myanmar mempunyai ramai doktor, tetapi kekurangan ubat dan sistem sokongan untuk merawat pesakit, kata ketua misi MSF, Peter Paul de Groot.

"Memang ada ramai doktor terlatih, tetapi kalau masih kekurangan ubat, tiada anggota paramedik dan jururawat - masalah tetap tidak akan selesai," katanya.


Walaupun media kerap melaporkan berita dan memberi gambaran positif terhadap kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan kepada rakyatnya lengkap dengan gambar hospital baru, tetapi keadaan sebenarnya sangat berbeza.

"Saya sudah melawat beberapa

Kesihatan awam tenat



SESAK... semua Klinik sesak dengan pesakit walaupun kekurangan ubat.



BANTUAN LUAR... pesakit di Myanmar masih harap sumbangan penderma luar negara.



DAIF... sistem penjagaan kesihatan di Myanmar masih jauh ketinggalan.

pa hospital besar di bandar dan sangat terkejut apabila mendapati ada ramai kakitangan, tetapi pesakitnya sangat sedikit," kata Mike Toole, pakar kesihatan awam dan penasihat Dana 3MDG, konsortium penderma antarabangsa di Myanmar.

"Pesakit tidak pergi ke sana (hospital besar) kerana mereka tidak menerima perkhidmatan yang baik. Di sana juga kurang peralatan dan bekalan ubat asas," katanya lagi.

Data WHO menunjukkan pada

2009, Myanmar hanya memperuntukkan RM36 per kapita (atau dua peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar) untuk kesihatan. Daripada jumlah itu, cuma RM3 disumbangkan oleh kerajaan manakala selebihnya ditanggung oleh NGO dan pesakit.

Dalam usaha menangani krisis dana, Presiden Nyanmar, Thein Sein yang mengambil alih kerajaan Mac tahun lalu meningkatkan peruntukan kesihatan sebanyak empat kali ganda

Hospital Myanmar kekurangan ubat untuk merawat pesakit

untuk 2012 dan 2013.

"Itu permulaan yang baik, walaupun jumlahnya masih terlalu rendah. Kami perlukan pelaburan besar-besaran dengan pelaburan daripada kerajaan dan penderma, Myanmar mungkin mengambil masa 20 hingga 30 tahun untuk berada pada tahap sama seperti Thailand," kata Toole.

Negara penderma disaran mengambil peluang ketika pembentukan semula Myanmar untuk menyuntik bantuan kewangan kepada perkhidmatan kesihatan awamnya yang tenat ini.

Bagaimanapun, krisis ekonomi dunia yang masih belum pulih sepenuhnya membuatkan ramai penderma masih teragak-agak untuk menyeluk dompet mereka. Berapa pun jumlah yang diberikan, NGO mahu kerajaan Myanmar memikirkan semula sistem kesihatan di negara mereka.

Di bawah pemerintahan tentera, NGO dilarang memasuki hospital awam dan kesannya dirasai semua peringkat perkhidmatan kesihatan tetapi kini mereka dipanggil untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memperluaskan khidmat penjagaan kesihatan.

"Kami perlu mula memikirkan sistem kesihatan jangka panjang di mana semua pihak boleh bekerjasama," kata de Groot. Walaupun peruntukan sudah ditambah tetapi buat masa ini, penduduk miskin Myanmar masih memerlukan bantuan berterusan dari NGO luar negara.

Mying Maung Maung, tukang kayu berumur 37 tahun berkata, dia terpaksa mendapatkan bantuan MSF untuk rawatan tuberkulosis dan HIV yang dihidapinya. Selepas beberapa tahun menjalani rawatan antivirus, ubat yang diberikan tidak lagi berkesan kerana pada kepada empat anak ini tidak mematuhi jadual pengambilan ubat yang ketat.

"Masa pengambilan dua-dua jenis ubat berbeza, jadi saya selalu tersilap...lagi pula saya tidak mempunyai jam," katanya.

- AFP